

## **GAYA PENGAJARAN GURU PENDIDIKAN ISLAM DI SEKOLAH MENENGAH NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI ERA SBAFL**

*(Teaching Styles of Islamic Education Teachers in Brunei Darussalam Secondary Schools in SBAfL Era)*

HJH NORWATI HJ ABU BAKAR, MOHD ISA HAMZAH, AB. HALIM TAMURI,  
ZETTY NURZULIANA RASHED & NURUSSA'EDAH HJ ABU BAKAR

### ABSTRAK

*Pentaksiran merupakan aspek terpenting dalam sistem pendidikan. Selain isu pengajaran, isu pentaksiran juga perlu dititikberatkan kerana ia berkait rapat dengan proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Kajian ini bertujuan mengenal pasti bentuk gaya pengajaran guru pendidikan Islam apabila pentaksiran kendalian sekolah untuk pembelajaran (PKSuP) dilaksanakan dalam matapelajara Pendidikan Islam. Kajian ini merupakan kajian fenomenologi yang menggunakan pendekatan kualitatif. Peserta kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan, yang melibatkan tujuh orang guru Pendidikan Islam. Data diperolehi melalui: i) kaedah temu bual secara mendalam, ii) pemerhatian langsung di bilik darjah secara non-participant dan iii) bukti dokumen. Dapatan menunjukkan bahawa gaya pengajaran gurur pendidikan Islam (GPI) diantaranya ialah, pengajaran berpusatkan pelajar, pengajaran lebih sistematik dan berlakunya bimbingan berterusan. Secara keseluruhannya dapatan kajian menunjukkan bahawa PKSuP (SBAfL) memberi pengaruh yang positif terhadap gaya pengajaran GPI. Oleh yang demikian, pelaksanaan SBAfL perlu diimplementasikan secara konsisten dan menyeluruh demi meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dalam semua peringkat persekolahan. Dapatan kajian ini secara umumnya diharap akan dapat membantu pihak yang berkepentingan untuk meningkatkan dan memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah di negara Brunei Darussalam.*

*Kata Kunci: Pengaruh; Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (PKSuP); SBAfL; gaya pengajaran guru.*

### ABSTRACT

*Assessment is the most prominent aspect of the education system. Besides teaching issue, the issue of assessment also needs to be emphasized since it is closely related to the teaching and learning process in the classroom. This study aims to identify the form of teaching style among Islamic Education teachers since the School Based Assessment for Learning (PKSuP) is implemented in Islamic Education subject. This study is a phenomenological study which uses a qualitative approach. The participants were selected through purposive sampling method, which involved seven Islamic Education teachers. Data were obtained through: i) in-depth interview method, ii) direct classroom observation on a non-participant basis and iii) document evidence. Findings indicate that the teaching style of Islamic Education teachers (GPI) includes student-centered teaching, more systematic teaching method and the practice of*

*continuous guidance. Basically, the findings of the study show that PKSuP (SBAfL) has a positive impact on the teaching style of Islamic Education teachers. Therefore, there is a need to implement SBAfL consistently and comprehensively in order to improve and enhance the quality of teaching and learning of Islamic Education in all school levels. The findings of this study are generally expected to be able to provide useful information for the stakeholders to improve and enhance the teaching and learning process of Islamic Education teachers in schools in Brunei Darussalam.*

*Keywords: Influence; School Based Assessment for Learning (PKSuP); SBAfL; teacher teaching style.*

## PENDAHULUAN

Sistem Pendidikan Negara Abad ke-21 (SPN21) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan bagi meningkatkan kecemerlangan bidang pendidikan di negara Brunei Darussalam. Pelaksanaan SPN21 yang telah bermula pada tahun 2009 bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran. Di samping itu, membekalkan mereka dengan nilai murni dan sikap mulia melalui Pendidikan Islam dan konsep Melayu Islam Beraja, bagi memenuhi keperluan dan tuntutan zaman yang berubah (Jabatan Perkembangan Kurikulum 2009).

SPN21 telah membawa beberapa perubahan besar dalam pendidikan di negara Brunei Darussalam dalam usaha menghasilkan pendidikan berkualiti, juga pengajaran dan pembelajaran yang cemerlang. Salah satu daripada agenda perubahan itu adalah dari segi kaedah pentaksiran, iaitu yang dikenali sebagai Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (setelah ini disebut *SBAfL*). Perubahan ini diantaranya bertujuan untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran para guru, membantu guru-guru menyediakan maklumat untuk pelajar dan mengurangkan ujian dan peperiksaan berlebihan. Selain itu, ia juga bertujuan untuk menyediakan pembelajaran yang luas kepada pelajar supaya mereka memperoleh kemahiran asas, pengetahuan dan kefahaman dengan sikap serta nilai yang tepat untuk memastikan perkembangan secara menyeluruh. Oleh yang demikian, pentaksiran ini bertujuan untuk menyumbang kepada peningkatan pembelajaran pelajar dan perlu disepadukan dalam pengajaran harian dan pembelajaran di dalam bilik darjah.

Melalui pentaksiran baharu ini, pihak Kementerian Pendidikan berharap guru akan dapat memperbaiki mutu pengajaran dan seterusnya dapat mereka bentuk gaya pengajaran yang mampu mendatangkan keseronokan kepada pelajar. Terdapat pelbagai bentuk inovasi kaedah pengajaran dan pembelajaran yang boleh diterapkan oleh guru-guru Pendidikan Islam bagi mempelbagaikan pendekatan, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam (Ab. Halim & Nik Mohd Rahimi 2011). Justeru, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti gaya pengajaran guru-guru Pendidikan Islam apabila *SBAfL* dilaksanakan dalam mata pelajaran pendidikan Islam. Menerusi kepelbagaian pendekatan dan gaya pengajaran guru menghasilkan implikasi yang sangat besar kepada keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

## TINJAUAN LITERATUR

Aktiviti pengajaran meliputi tiga komponen utama; kurikulum, pengajaran dan pentaksiran. Setiap komponen ini memainkan peranan yang sangat penting dan proses ini akan menjadi lemah apabila salah satu daripadanya tidak ada atau kurang diambil perhatian (Houston et.al 2002 dan Thomas et.al 2004). Pentaksiran ialah sebahagian besar daripada aktiviti proses

pengajaran dan pembelajaran. Dalam konteks bilik darjah, pentaksiran adalah penting kerana pada asasnya boleh mengubah cara guru mengajar (Popham 2008). Pentaksiran secara informal dan berterusan perlu dijalankan semasa pengajaran dan pembelajaran sedang berlaku supaya maklumat yang diperolehi melalui pentaksiran dapat digunakan untuk memperbaiki proses pengajaran dan pembelajaran (Abu Bakar & Bhasah 2008).

Guskey (2003) menekankan kepentingan pentaksiran kepada guru-guru dengan meminta mereka melaksanakannya sebagai sebahagian daripada panduan dan bimbingan kepada pengajaran mereka. Untuk meningkatkan penggunaan pentaksiran bilik darjah, guru perlu menukar kedua-dua pandangan mereka terhadap pentaksiran dan hasil tafsiran dari pentaksiran tersebut.

Ramai pendidik dan ahli teori pentaksiran percaya bahawa integrasi pentaksiran dan pengajaran boleh meningkatkan kecekapan. Mereka yakin bahawa prosedur pentaksiran adalah alat yang sangat penting dalam pendidikan yang boleh meningkatkan pengajaran dan pembelajaran (Dochy et al. 2012). Menurut Berry (2008) guru juga berperanan untuk memastikan sesuatu pentaksiran menyokong pembelajaran pelajar. Dengan menjadikan pentaksiran sebahagian daripada pengajaran dan pengalaman pembelajaran, guru boleh membantu semua pelajar untuk mengalami kejayaan. Apabila sistem pentaksiran yang kukuh diintegrasikan dengan pengajaran dan pembelajaran, penggunaan sistem penilaian yang berbentuk berterusan, keberkesanan pengajaran boleh dilihat dan terdapat peningkatan pembelajaran yang sangat kukuh (Black & William 1998; Spandel 2001 dan Sangster & Overall 2003).

Dalam usaha untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah-sekolah menengah, maka pihak Kementerian Pendidikan di negara Brunei Darussalam telah melaksanakan perubahan dalam kaedah pentaksiran dengan memperkenalkan 'Pentaksiran Kendalian Sekolah untuk Pembelajaran (PKSuP) atau lebih dikenali dalam kalangan guru-guru "*SBAfL*" (*School Based Assessment for Learning*) sebagai tambahan kepada sistem pentaksiran yang sedia ada. *SBAfL* adalah gabungan antara Pentaksiran Kendalian Sekolah, "*School Based Assessment*" (*SBA*), yang telah diamalkan secara meluas di sekolah-sekolah sejak pengenalan SPN21, dan Pentaksiran untuk Pembelajaran, "*Assessment for Learning*" (*AfL*). *SBAfL* adalah termasuk dalam komponen pentaksiran kendalian sekolah (*SBA*). Pentaksiran untuk pembelajaran yang baru ini dianggap sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan baru dalam ciri-ciri amalan pengajaran abad ke-21.

Pentaksiran baru ini, bersifat formatif yang memberi tumpuan kepada pembangunan prestasi individu pelajar menerusi maklum balas yang membina. Pihak sekolah dan para guru diberi autonomi untuk mengendalikan pentaksiran berterusan yang berkualiti bagi mengetahui pencapaian hasil pembelajaran. Pentaksiran ini juga menekankan pembelajaran berpusatkan pelajar, iaitu pelajar dilibatkan secara aktif sama ada secara individu mahupun dalam kumpulan. Bagi menjayakan pembelajaran berpusatkan pelajar ini, teknik pengajaran guru hendaklah berorientasikan aktiviti. Selain itu, pihak sekolah dan para guru disarankan untuk mengutamakan proses pembelajaran dan mengurangkan pengajaran yang berorientasikan peperiksaan (Kementerian Pendidikan 2009). Oleh itu melalui *SBAfL* guru Pendidikan Islam dan pelajar dapat mengetahui kekuatan dan kelemahan pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

*SBAfL* kini menjadi sebahagian daripada strategi pengajaran bukannya tugas tambahan. Pengajaran, pembelajaran dan pentaksiran tidak boleh dipisahkan dan tidak boleh dilihat atau diguna secara berasingan atau bersendirian. Hal ini juga dijelaskan oleh Dochy (2001), bahawa matlamat utama pendidikan akademik adalah untuk menjadikan pelajar yang mempunyai pengetahuan dalam domain tertentu. Oleh yang demikian guru Pendidikan Islam perlu melengkapkan diri dengan pelbagai aspek dan gaya pengajaran dan pembelajaran yang

bersesuaian dengan perkembangan semasa supaya pelaksanaan Pendidikan Islam menjadi lebih berkesan (Ab. Halim et.al 2004), ini selaras dengan pandangan Kullina & Cothran, (2003) yang menyatakan bahawa guru-guru yang cemerlang perlu sedar menggunakan pelbagai gaya pengajaran demi memenuhi kepelbagaian keperluan pembelajaran yang semakin meningkat. Ringkasnya, perubahan terhadap sistem pentaksiran yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan ini bukan hanya untuk penambahbaikan terhadap sistem pentaksiran yang sedia ada, malah lebih memfokuskan kepada usaha untuk meningkatkan dan memantapkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran sehingga mampu melahirkan generasi yang berpengetahuan dan berkemahiran tinggi serta mampu menghadapi kemajuan dan perkembangan dunia global pada masa ini.

## METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan berbentuk kualitatif untuk meneroka, memahami keadaan dan suasana yang berlaku di dalam bilik darjah ketika sesi pengajaran Pendidikan Islam dilaksanakan oleh guru Pendidikan Islam. Pemilihan pendekatan kualitatif ini adalah untuk menjawab persoalan yang memerlukan jawapan kepada bagaimana dan apa yang berlaku, tajuk berbentuk penerokaan dan kajian yang memerlukan jawapan secara terperinci (Creswell 2003). Penyelidikan secara kualitatif juga digunakan untuk meneroka, memahami dan menafsirkan kepada sesuatu makna yang berbeza dari kefahaman biasa (Creswell, 2007).

Bogdan & Biklen (2003) menyatakan bahawa pendekatan kualitatif boleh menghasilkan maklumat mendalam dan menyeluruh tentang fenomena yang dikaji serta memberikan data yang kaya, mantap dan sahih serta berupaya menjawab persoalan kajian. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Taylor & Bogdan (1984) yang menyatakan bahawa pendekatan kualitatif mampu memberikan maklumat dengan lebih jelas daripada perspektif peserta kajian melalui temu bual mendalam, pemerhatian dan analisis dokumen.

Pengkaji telah memilih reka bentuk fenomenologi bagi kaedah kualitatif ini kerana pengalaman guru adalah fenomena yang menggambarkan kefahaman yang diperoleh dalam kehidupan mereka, yang sukar untuk dilihat, diukur dan dikira (Byrne 2001). Kaedah penyelidikan fenomenologi menyediakan cara untuk menyelidik pengalaman manusia melalui persepsi peserta kajian (Salmon 2010). Pemilihan penyelidikan fenomenologi ini membantu pengkaji untuk meneroka gaya pengajaran yang diamalkan oleh guru Pendidikan Islam di dalam bilik darjah apabila SBAfL diperkenalkan dalam sistem pendidikan.

Dalam kajian ini, pengumpulan data melalui gabungan kaedah temu bual mendalam, pemerhatian langsung di bilik darjah secara *non-participant* dan bukti dokumen merupakan proses triangulasi untuk mengesahkan kredibiliti dan meningkatkan kebolehpercayaan data. Prosedur kesahan secara triangulasi membolehkan penyelidik menggunakan pelbagai sumber maklumat yang berbeza untuk membentuk tema atau kategori kajian.

Pemilihan peserta kajian dilakukan secara persampelan bertujuan (*purposive sampling*) digunakan dalam kajian ini dengan menentukan beberapa kriteria yang ditentukan oleh pengkaji (Merriam 1998). Dengan menggunakan kajian fenomenologi, penyelidik perlu memastikan setiap peserta kajian telah mengalami fenomena yang berkaitan dengan kajian (Moustakas 1994; Creswell 1998). Kajian ini hanya melibatkan guru-guru yang mengajar mata pelajaran pengetahuan Agama Islam di sekolah menengah kerajaan sahaja. Peserta yang terlibat dalam kajian ini seramai tujuh orang. Pemilihan terhadap guru tersebut berdasarkan pengetahuan mereka terhadap pentaksiran dalam SPN21 kerana mereka ini telah diberi pendedahan kepada sistem pentaksiran baharu ini melalui bengkel Program Perkembangan Profesional dalam SBAfL yang telah diberikan oleh kementerian pendidikan, yang diharapkan cukup untuk menyediakan data yang bermakna yang boleh dianalisis. Selain itu, keperluan

yang paling penting dalam kajian ini ialah peserta kajian mestilah terdiri daripada mereka yang sedang mengajar sama ada Tahun Tujuh atau Tahun Lapan. Pemilihan ini adalah disebabkan pelaksanaan pentaksiran yang baru ini diberi penekanan kepada pelajar-pelajar dalam peringkat ini.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan data dari temu bual individu separa berstruktur, terdapat tema utama yang dapat dikenal pasti dalam menjelaskan bagaimana gaya pengajaran GPI apabila SBAfL dilaksanakan dalam pendidikan Islam. Tema-tema tersebut ialah: 1) Pengajaran berpusatkan pelajar, 2) Pengajaran lebih berorientasikan dan 3) Berlakunya bimbingan berterusan. Penjelasan mengenai tema-tema ini dapat dilihat huraian, seperti berikut;

### Tema 1: Pengajaran berpusatkan pelajar

Dapatan kajian mendapati bahawa, hampir semua guru pendidikan Islam mempunyai pandangan yang sama mengenai gaya pengajaran mereka dalam era SBAfL dalam bentuk pengajaran berpusatkan pelajar. Dalam hal ini, peserta kajian menyatakan pengajaran guru di dalam bilik darjah menjurus kepada pengajaran yang memusatkan kepada pelajar berbeza daripada sebelum adanya SBAfL yang lebih kepada pengajaran berpusatkan guru, sebagaimana kenyataan Cikgu Kartika, pengajaran guru di bilik darjah "*lebih menjurus kepada student-centered...*" (Cikgu Kartika, TB1: 21). Perkara ini pada pandangan beliau sememangnya bertepatan dengan abad sekarang, iaitu abad ke-21, tidak seperti sebelumnya bahawa pengajaran guru berorientasikan guru atau berpusatkan kepada guru, "*...cara itu bertepatan dengan abad ke-21, bukannya kaedah traditional dulu yang teacher centered kan...*" (Cikgu Kartika, TB1: 23).

Cikgu Siti dalam temu bualnya juga menjelaskan gaya pengajaran guru yang jelas nyata sejak SBAfL dilaksanakan di dalam bilik darjah adalah berpusatkan kepada pelajar, "*...lebih kepada student center... student yang banyak memberikan ideanya, yang banyak yang bergerak, saya sebagai pemudah cara untuk memudahkan pelajar...*" (Cikgu Siti, TB1: 88). Dalam hal ini beliau menerangkan gaya pengajaran guru berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar, iaitu pelajar yang lebih banyak menyumbangkan idea-idea mereka dan aktif dalam pembelajaran mereka, manakala guru berperanan sebagai pemudah cara bagi memudahkan lagi pembelajaran pelajar.

Menurut pandangan peserta kajian pengajaran berpusatkan kepada pelajar ini adalah disebabkan perubahan yang berlaku terhadap pentaksiran di bilik darjah. Cikgu Salmah menyatakan perubahan dalam penilaian "*...banyak mendedahkan kepada pelajar untuk melakukan aktiviti-aktiviti...*" (Cikgu Salmah, TB1: 199) yang disediakan oleh guru dan merupakan cara untuk menilai para pelajar. Kepelbagaian aktiviti yang berpusatkan pelajar itu juga membolehkan guru mempelbagaikan lagi penilaian mereka terhadap pelajar (Cikgu Serinah, TB3: 15). Hal ini terbukti daripada data pemerhatian langsung dalam bilik darjah terhadap pengajaran dan pembelajaran Cikgu Serinah yang melaksanakan aktiviti bercerita kepada pelajar. Di samping itu, setiap langkah-langkah pengajaran juga "*...banyak melibatkan pelajar.*" (Cikgu Salmah, TB1: 199). Oleh sebab itu, gaya pengajaran guru berubah daripada berpusatkan guru kepada berpusatkan pelajar. Hal ini sejajar dengan pandangan Dochy et.al (2012) yang menyatakan bahawa pentaksiran dipercayai dan terbukti mempunyai impak penting ke atas pengajaran dan pembelajaran. Dapatan ini membuktikan bahawa GPI telah melaksanakan peranan mereka untuk mewujudkan kehendak baharu dalam mengendalikan persekitaran pembelajaran yang lebih produktif, sebagaimana yang dikehendaki dalam SPN21.

Hasil penemuan ini juga sejajar dengan kehendak kurikulum SPN21 yang memfokuskan kepada pendekatan pembelajaran “*Fun, Play and learn more*”, iaitu menekankan proses pengajaran dan pembelajaran berpusatkan pelajar yang mengambil kira penglibatan secara aktif sama ada secara individu atau kumpulan. Malahan menurut al-Zarnuji, Rasulullah S.A.W sendiri sebagai seorang guru menginginkan murid-murid baginda untuk aktif dan belajar serta melakukan perkara-perkara sendiri (Khaled 2011).

## Tema 2: Pengajaran lebih bersistematik

Tema seterusnya dalam kategori gaya pengajaran guru semasa *SBAfL* adalah pengajaran guru lebih bersistematik (Cikgu Kartika, Cikgu Rosinah dan Cikgu Serinah). Berdasarkan pengalaman sendiri, Cikgu Kartika menyatakan sejak *SBAfL* dilaksanakan di dalam bilik darjah, pengajaran guru lebih teratur, dan setiap langkah-langkah pengajaran dan pembelajaran bertepatan dengan waktu yang telah ditetapkan, “...*lebih sistematik, lebih tersusun...*” (Cikgu Kartika, TB1: 276). Ini jelas menunjukkan bahawa guru Pendidikan Islam yang didedahkan dengan pelaksanaan *SBAfL*, telah menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran guru berjalan dengan lancar mengikut rancangan pengajaran yang telah disediakan dan masa yang ditetapkan. Selain itu guru juga perlu mempertimbangkan terhadap kepelbagaian pelajar (Mohd Yusuf 2000).

Cikgu Rosinah turut bersetuju mengenai pengajaran guru lebih terancang dan sistematik jika dibandingkan sebelum adanya *SBAfL*, beliau menyatakan, “...*jadi dengan adanya SBAfL itu iatah (itu lah) terancang itu ustazah... lebih sistematik...*” (Cikgu Rosinah, TB1: 323). Cikgu Rosinah selanjutnya menjelaskan berdasarkan pengalaman yang ada, sebelum *SBAfL* diperkenalkan, walaupun guru mengetahui akan setiap langkah-langkah pengajarannya, tetapi guru masih teragak-agak perkara yang patut dimulakan terlebih dahulu dalam pengajarannya. Hal ini menyebabkan pengajaran guru kurang sistematik.

Dengan adanya input-input baru melalui bengkel *SBAfL* yang dihadiri telah banyak membantu para guru untuk menyediakan pengajaran yang lebih terancang. Pemilihan dan penggunaan sistem, kaedah dan teknik pengajaran dan pembelajaran yang teratur adalah sangat diperlukan dalam pendidikan Islam kerana ia dapat menarik minat pelajar dan memudahkan mereka memahami pendidikan Islam (Gahazali 2001). Ringkasnya, pelaksanaan *SBAfL* telah banyak membantu para guru untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran dengan lebih bersistematik mengikut langkah-langkah yang digariskan dalam rancangan pengajaran di samping dapat menepati masa yang diperuntukan dan tidak membuang masa.

## Tema 3: Berlakunya bimbingan berterusan

Berdasarkan data-data yang diperolehi, bimbingan berterusan didefinisikan sebagai mengulang tajuk pelajaran yang sama sehingga semua pelajar dapat menguasai tajuk pelajaran tersebut. Dalam hal ini guru tidak akan beralih kepada tajuk pelajaran baru selagi objektif pembelajaran belum dicapai sepenuhnya oleh pelajar (Cikgu Siti, Cikgu Salmah dan Cikgu Serinah).

Berhubung perkara ini, Cikgu Siti menegaskan guru tidak boleh mengajarkan tajuk pelajaran yang baru jika objektif pembelajaran belum dicapai, “...*dalam SBAfL kitani (kita) tidak boleh pindah ke topik lain sekiranya target kitani (kita) inda (tidak) tercapai...*” (Cikgu Siti, TB1: 19). Menurut beliau, guru hanya boleh mengajar atau beralih ke tajuk lain sekiranya penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran menunjukkan peningkatan atau mengalami perubahan, iaitu dari tahap lemah ke tahap sederhana dan seterusnya tahap tinggi. Hasil kajian ini menyokong pendapat Fisher & Frey (2007) bahawa pentaksiran formatif merupakan pentaksiran yang berterusan yang digunakan oleh guru untuk memperbaiki kaedah pengajaran dan memberi maklum balas kepada pelajar dan kemajuan pembelajaran sepanjang pengajaran.

Penekanan kepada arahan, demonstrasi dan pembaikan terhadap kesilapan pelajar perlu dalam pengajaran (Rohizini et al. 2005).

Seterusnya, Cikgu Serinah turut mengakui bahawa guru perlu mengulang tajuk pelajaran yang sama sehingga pelajar dapat menguasai isi pelajaran tersebut seperti yang beliau nyatakan, “...*kalau anda (tidak) berjaya kitani mesti ulang ulang sampai durang atu (pelajar itu) memang belajar...*” (Cikgu Serinah, TB1: 70). Pada pandangan beliau, guru mengajar bukan semata-mata untuk menghabiskan skim pelajaran yang ditetapkan, tetapi hendaklah mengambil kira kemahiran yang boleh dikuasai oleh pelajar melalui isi pelajaran yang dipelajari serta bukan setakat melihat kepada markah yang diperolehi pelajarnya sebagaimana penjelasan berikut, “..*bukan kitani (kita) mengajar kan menghabiskan skim... yang kitani (kita) lihat di sini kemahiran pelajar atu (itu) dari segi ia belajar bukannya mendapat markah..*” (Cikgu Serinah, TB1: 70).

Dapatan kajian ini selaras dengan pandangan Ibnu Khaldun (2000) dan al-Ghazali (2003) yang menjelaskan tentang perlunya bimbingan berterusan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi memastikan pelajar mencapai tahap pembelajaran yang dikehendaki melalui kaedah pengulangan. Melalui langkah ini, guru dapat membantu pelajar memahami dengan lebih mudah terutama bagi pelajar yang mempunyai aras kognitif rendah. Proses pengulangan dan latihan secara berterusan merupakan pengukuhan dan pementapan untuk pelajar mendapatkan ilmu (Ibnu Khaldun 2000). Oleh yang demikian GPI hendaklah memastikan pelajar benar-benar dapat menguasai isi pelajaran yang diterangkan oleh guru, agar mereka tidak berterusan gagal dalam menguasai kemahiran yang dikehendaki (Mohd Aderi t.th).

## IMPLIKASI KAJIAN

Teori dan dapatan kajian menjelaskan pentaksiran untuk pembelajaran adalah untuk pendidik dan guru mendapatkan informasi bagi tujuan mengubah suai dan mempelbagaikan aktiviti pengajaran (Black & William 1998; Azizi 2010) bagi mengubah suai pengajaran untuk memenuhi keperluan pelajar dan memberikan maklumat yang akan membantu merancang pengajaran masa depan, untuk meningkatkan pencapaian pelajar secara individu melalui pembezaan pengajaran dan pentaksiran (Stigging et.al 2006). Berlainan dengan kajian ini, pengkaji telah menemui beberapa penemuan baharu berkaitan dengan pengaruh amalan pentaksiran guru di bilik darjah, antaranya; pelaksanaan *SBAfL* mempengaruhi gaya pengajaran guru pendidikan Islam, Jika sebelum ini guru lebih banyak menggunakan pengajaran berpusatkan guru tetapi kini pengajaran guru Pendidikan Islam lebih kepada pengajaran berpusatkan pelajar. Peserta kajian menyatakan perkara ini adalah disebabkan adanya perubahan dalam kaedah dan aktiviti yang digunakan oleh guru yang memberi peluang kepada pelajar untuk meneroka dan bergiat aktif dalam pembelajaran mereka. Hasil kajian ini sekali gus membuktikan bahawa guru Pendidikan Islam juga berusaha untuk mewujudkan pengajaran yang memusatkan kepada pelajar, sejajar dengan hasil kajian Zakaria (2012) bahawa guru-guru pendidikan Islam telah melaksanakan pendekatan pengajaran yang berpusatkan pelajar walaupun ia perlu kepada pembaikan. Hal ini menunjukkan bahawa guru-guru pendidikan Islam telah berusaha ke arah perubahan dan inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam. Dengan adanya pengajaran berpusatkan pelajar ini, guru berupaya memupuk dan mengembangkan kemahiran berfikir dan kreativiti dalam kalangan pelajar (Ahmad, 2004).

Implikasi dari dapatan kajian ini menunjukkan akan perlunya bagi setiap guru di semua peringkat persekolahan untuk diberi pengetahuan dan kemahiran dalam *SBAfL*. Amalan pengajaran dan pembelajaran yang berfokuskan kepada peperiksaan perlu dikurangkan supaya

aspek pembinaan ilmu dan pembangunan keperibadian pelajar dapat ditingkatkan. Oleh yang demikian, dengan pelaksanaan SPN21 dan perubahan dalam sistem pentaksiran kepada *SBAfL* diharapkan dapat meningkatkan penyampaian pengajaran ke arah pembinaan ilmu pengetahuan dan melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif.

## KESIMPULAN

Guru pendidikan Islam perlu sentiasa bersedia dalam menerima perubahan dengan mengintegrasikan *SBAfL* dalam pengajaran mereka, dengan itu, *SBAfL* perlu diimplementasikan secara konsisten dan menyeluruh dalam semua peringkat persekolahan. Justeru sebagai seorang pendidik, guru Pendidikan Islam perlu menerima dan berusaha mengaplikasikan setiap pembaharuan yang diperkenalkan demi mencapai hasrat dan kehendak wawasan 2035 yang ingin melahirkan warganegara yang berilmu, kreatif, kritis dan inovatif serta supaya dapat membawa perubahan yang terbaik dalam diri pelajar demi mencapai tujuan akhir Pendidikan Islam, iaitu membentuk keperibadian Islam yang berasaskan takwa kepada Allah.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusopp, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan pengajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Abu Bakar Nordin dan Bhasah Abu Bakar. 2008. Pentaksiran dalam Pendidikan Sains Sosial. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ahmad Mohd Salleh. 2004. *Pendidikan Islam, Falsafah Sejarah dan Kaedah Pengajaran & Pembelajaran kursus Perguruan Lepas Ijazah*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd.
- Al-Ghazali. 2003. *Ihya' Ulumiddin*. Jilid 1. Terj. Prof. Tk. H. Ismail Yakub Ma. Sh. Singapore: Pustaka Nasional Pte.
- Azizi Ahmad. 2010. *Pentaksiran Pembelajaran*. Selangor Darul Ehsan: Dawama Sdn. Bhd.
- Berry, R. 2008. *Assessment for Learning*. Hongkong: Lammar Printing Co. Ltd.
- Black, P. & William, D. 1998a. Assessment and classroom learning. *Assessment in Education: Principles, Policy & Practice* 5(1): 7 – 744.
- Black, P & William, D. 1998b. *Inside the Black Box: Rising Standards through Classroom Assessment*. London: School of Education, King College.
- Bogden, Q. C. & Biklen, S. K. 2003. *Qualitative Research for Education Introduction to Theories and Methods*. USA: Pearson Education Group. Inc.
- Bryne, M. M. 2001. Understanding life experiences through a phenomenological approach to research. *AORN Journal* 73(4): 830 – 832. Retrieved Pro Quest Education Journal database.
- Creswell, J. W. 1998. *Qualitative Research Design: Choosing Between Five Traditions*. Thousand Oaks, C.A: Sage.
- Creswell, J. W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Method Approaches* (2nd Ed). London: Sage Publications.
- Creswell, J. W. 2007. *Qualitative Inquiry and Research Design: Choosing Among Five Approaches*. USA, Thousand Oaks: Sage Publications.

- Dochy, F. J. R. 2001. A new assessment era: different needs, new challenges. *Research Dialogue in Learning and Instruction*.
- Dochy, F. J. R., et.al. 2012. Integrating Assessment, Learning and Instruction: Assessment Domain – Specific and Domain – Transcending Prior Knowledge and Progress. Netherlands Center For Educational Technology and Expertise.
- Fisher, D. & Frey, N. 2007. *Checking for Understanding: Formative Assessment Techniques for Your Classroom*. Alexandria, VA: Association for supervision and curriculum Development.
- Ghazali Darussalam. 2001. *Pedagogi Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Guskey. T. R. 2003. How classroom assessment improve learning. *Using Data to Improve Student Achievement* 60(5): 6 – 11.
- Houston, D. & Beech, M. 2002. *Designing Lessons for The Diverse Classroom. A Handbook for Teachers*. Bureau of Instruction Support and Community Services Division of Public Schools and Community Education, Florida Department of Education.
- Ibnu Khaldun. 2000. *Muqadimah Ibnu Khaldun*. Terj. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perkembangan kurikulum. 2009. *Sistem Pendidikan Negara Brunei Abad ke-21 (SPN21)*. Bandar Seri Begawan: Kementerian Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan. 2013. *Sistem Pendidikan Abad ke-21: SPN21*. Brunei Darussalam: Kementerian Pendidikan.
- Khaled al-Khalediy. 2010/2011. Education and methods of teaching in Islam in the Era of AzZarnuji. *Al-Jami'* 4-3, 23 – 60.
- Kullina, P. H. & Cothran, D. J. 2003. Teachers experiences with and perceptions of Mosston's spectrum. How they compare with students? *Kertas kerja Annual Meeting of The American Educational Research Association*. New Orleans, LA. Ltd.
- Merriam, S. B. 1998. *Qualitative Research and Case Study Applications in Eeducation*. San Francisco, CA: Josey-Bass.
- Mohd Aderi Che Noh. T.Th. *Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia*. *Jurnal of Islamic and Arabic Education*.
- Mohd Yusuf Ahmad. 2000. *Sejarah dan Kaedah Pendidikan al-Quran*. Kuala Lumpur. Penerbitan Universiti Malaya.
- Moustakas, C. 1994. *Phenomenological Research Methods*. Thousand Oaks, California: Sage Publications.
- Overall, L. & Sangster, M. 2003. *Primary Teacher's Handbook*. London: Confinium. Popham, W. J. 2008. *Transformative Assessment*. Alexandria, Virginia: Association for Supervision and Curriculum Development.
- Rohizani Yaakub, Shahabudin Hashim & Mohd Zohir Ahmad. 2005. *Pedagogi: Strategi dan teknik mengajar dengan berkesan*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Salmon, J. 2010. *Research Methodology Approaches*. Capella University. [www.dissertationretreat.org](http://www.dissertationretreat.org).
- Spandel, V. 2001. *Creative Writers: Through 6 Trait Writing Assessment and Instruction (3rd Ed)*. London: Addison Wesley Longman Inc.
- Stiggins. R. J. 2002. *Assessment Crisis: The Absence of Assessment for Learning*. Phi Delta Kappa.
- Taylor, S. J. & Bogdan, R. 1984. *Introduction to Qualitative Research Methods: The Search for Meanings*. New York: John Wiley and Sons.

- Thomas, J., Allman, C. & Beech, M. 2004. Assessment for the Diverse Classroom. A Handbook for Teachers. Bureau of Exceptional Educational and Student Services, Florida Department of Education.
- Zakaria Abdullah. 2012. Pengajaran dan pembelajaran berasaskan pendekatan berpusatkan pelajar dalam Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Hjh Norwati Hj Abu Bakar\*  
Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan. Brunei Darussalam.

Mohd Isa Hamzah  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Selangor, Malaysia

Ab. Halim Tamuri  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43000 Selangor, Malaysia

Zetty Nurzuliana Rashed  
Kolej Universiti Islam Selangor, Malaysia

Nurussa'edah Hj Abu Bakar  
Universiti Brunei Darussalam

\*Pengarang untuk surat menyurat: [hjhnorwati@gmail.com](mailto:hjhnorwati@gmail.com)

Received: 29 09 2021 / Accepted: 10 06 2022 / Published: 20 05 2023